

08 AUG 2003

Malik-Tiba

ABDUL MALIK TERIMA SAMBUTAN WIRA NEGARA SELEPAS TAKLUKI SELAT INGGERIS

SEPANG, 8 Ogos (Bernama) -- Perenang maraton negara Abdul Malik Mydin, yang menjadi rakyat Malaysia pertama merentasi Selat Inggeris Isnin lepas, diberi sambutan besar-besaran setibanya di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang baru tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas mengakhiri lawatan sehari ke Sabah, menyambut wira negara itu secara peribadi dan mengucapkan tahniah kepada Malik.

Malik menaiki pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) dari London.

Perenang itu disambut dengan sorakan "Malaysia Boleh" oleh kira-kira 1,000 peminat dan penyokongnya.

Turut bersama Dr Mahathir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan timbalannya Datuk Ong Tee Keat serta pelayar negara Datuk Azhar Mansur yang berjaya mengelilingi dunia secara solo pada 1999.

Selepas mengharungi ombak tinggi dan arus kuat, Abdul Malik mencatatkan 17 jam 30 minit selepas berenang hampir 58km dari Abbots Cliff di Dover ke pantai Wissant di Calais, Perancis.

"Kerana Malik saya berasa saya berdiri lebih tegap daripada dahulu. Kita boleh berbangga dengan kebolehan anak watan kita," kata Dr Mahathir dalam ucapannya yang disambut dengan tepukan gemuruh.

Dr Mahathir berkata semangat dan kecekalan yang ditunjukkan oleh Abdul Malik itulah yang akan menjayakan bangsa Malaysia.

Golongan muda, katanya mesti menyerapkan nilai-nilai yang ada pada Abdul Malik ke dalam diri mereka seperti ketabahan, disiplin, ketekunan dan kesabaran.

Perdana Menteri berkata walaupun Abdul Malik diberitahu bahawa jadual renangnya terpaksa diubah beberapa kali, namun tekanan yang dihadapinya tidak langsung mematahkan semangatnya.

"Kita perlu anak-anak muda yang mempunyai sikap dan sifat seperti Malik Mydin," katanya, sambil menambah bahawa nilai positif sedemikian perlu diteladani.

Setelah rakyat Malaysia mengelilingi dunia, mendaki Gunung Everest dan mencuba pelbagai cabaran lain, Perdana Menteri berkata akan ada satu cabaran lagi yang akan menguji ketabahan hati anak muda Malaysia.

"Kita akan menghantar kosmonot ke angkasa lepas. Ini bukan sesuatu yang mudah kerana latihannya mengambil masa sehingga dua tahun dan ujian-ujian yang dibuat amat mencabar.

"Tetapi kita ingin menjadi bangsa yang mulia dan bermaruah, maka hendaklah kita menguatkan hati kita, kita disiplinkan diri kita dan membuat persediaan menghadapi cabaran yang datang ini," katanya.

Walau bagaimanapun, Dr Mahathir percaya ramai rakyat Malaysia yang akan menawarkan diri untuk menjadi angkasawan pertama negara nanti.

Beliau berkata dengan berbekalkan semangat yang kental dan tahap keberanian yang tinggi maka cabaran menghantar angkasawan negara akan menjadi kenyataan.

"Ia, memang benar banyak bangsa lain yang sudah ke angkasa lepas bahkan ada yang mendarat di bulan pun. Tetapi bagi bangsa kita ini adalah sesuatu yang amat mencabar," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak banyak bangsa-bangsa yang sedang membangun di dunia yang akan mempunyai peluang seumpama itu dan oleh yang demikian, rakyat harus bersyukur dengan peluang yang diberikan untuk menguji bangsa

Malaysia menghadapi cabaran dunia moden ini.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Abdul Malik bagi pihak dirinya dan kerajaan Malaysia kerana mengharumkan nama negara.

"Malaysia boleh, rakyat Malaysia boleh. Kalau ada kesanggupan kita boleh, boleh mengatasi segala-galanya. InsyaAllah," katanya.

Dalam ucapannya, Abdul Malik mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia dan kepimpinan tertinggi negara terhadap segala sokongan dan kata-kata dorongan serta doa dalam usahanya menawan Selat Inggeris itu.

Menceritakan sedikit pengalamannya di Selat Inggeris, Abdul Malik berkata beliau mengambil masa kira-kira lima jam untuk menghabiskan renangan sejauh 5km terakhirnya.

"Kalau tanya kekuatan saya pada masa itu saya sudah tidak ada kekuatan lagi, tapi doa tuan-tuan, YAB Perdana Menteri, rakan-rakan dan seluruh rakyat Malaysia menyebabkan saya berjaya menjejakkan kaki saya di Calais," katanya.

Beliau menyifatkan kejayaannya itu bukanlah kejayaannya seorang tetapi kejayaan seluruh rakyat Malaysia.

Pada majlis itu, Abdul Malik menerima cenderahati berupa sebilah keris dari Dr Mahathir manakala Abdul Malik menghadiahkan sebuah potret dirinya bersama Dr Mahathir sebagai kenang-kenangan.

-- BERNAMA

MAM HS DC ROS